

01 AUG 2001

Yaman

LAWATAN DR MAHATHIR KE YAMAN BUKA RUANG BARU HUBUNGAN SANA'A-KL

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Yaman pertengahan bulan ini dijangka merintis jalan ke arah kerjasama lebih meluas antara Kuala Lumpur dan Sana'a ketika negara Asia Barat itu sedang merangka strategi pembangunannya.

Menteri Luar Yaman Dr Abubaker Al-Qirbi berkata Yaman yang mempunyai 20 juta penduduk, berharap untuk belajar daripada Malaysia yang dianggapnya sebagai satu contoh negara Islam yang berjaya.

"Kami rasa negara-negara Islam yang sedang membangun seperti Yaman harus melihat Malaysia sebagai contoh untuk merangka dasar dan perancangan pembangunan masing-masing," katanya dalam satu temubual dengan Bernama di sini.

Dr Abubaker berkata ramai rakyat Yaman khususnya pembuat dasar tidak sabar menunggu kedatangan Dr Mahathir untuk bertukar-tukar pendapat dengan Perdana Menteri dan rombongannya ke arah menjalin kerjasama lebih erat dalam bidang-bidang seperti ekonomi, kebudayaan dan pendidikan.

Beliau berharap dua perjanjian akan dapat ditandatangani semasa lawatan itu -- satu bagi penubuhan Suruhanjaya Bersama Yaman-Malaysia yang akan diketuai oleh Menteri Luar masing-masing, dan satu lagi mengenai kerjasama dan latihan dalam perkhidmatan awam.

"Kami berharap mesyuarat pertama (suruhanjaya itu) akan diadakan di Sana'a dan kami berharap agar beberapa menteri Malaysia akan hadir untuk memantapkan kerjasama antara kedua-dua negara," katanya.

Mengenai hubungan ekonomi, Dr Abubaker berkata pelabur Malaysia perlu datang dan membuat kajian kemungkinan mengenai peluang perdagangan termasuk melihat pada pasaran berdekatan seperti Sudan, Eritrea, Habsyah, Somalia dan Tanzania.

Beliau berkata Malaysia boleh mengambil kesempatan daripada kedudukan strategik bandar raya pelabuhan Aden berhadapan Laut Merah, lokasi bagi Zon Perdagangan Aden yang sedang dibangunkan oleh kerajaan Yaman.

Kawasan seluas 31,000 hektar di sekitar bandar raya itu disediakan untuk tujuan berkenaan.

"Ia bukan saja untuk perdagangan tetapi juga untuk pekilangan dan perindustrian manakala banyak syarikat telah menjadikannya pangkalan mereka. Kami berharap Malaysia akan menggunakan kesempatan ini kerana Aden sesuai dijadikan pintu masuk ke bahagian timur Afrika dari Sudan hingga ke Tanzania malahan sampai ke Madagascar," katanya.

Dr Abubaker berkata kerajaan juga meluluskan beberapa undang-undang bagi melindungi pelabur di Yaman dan memberi jaminan mereka akan menyediakan segala bentuk sokongan dan keselamatan yang diperlukan.

"Saya berpendapat Aden akan menjadi tempat yang benar-benar menarik bagi pelabur dari serata dunia tetapi kami mahukan rakan kongsi dari negara Islam mengambil kesempatan ini sebelum pihak lain berbuat demikian," katanya.

Yaman juga mempunyai potensi besar dalam sektor pelancongan berdasarkan kepada tempat sejarah dan kawasan yang menarik.

"Semua ini belum dimajukan, malangnya ada insiden keselamatan yang menjejaskan industri pelancongan kami. Tetapi Yaman sedang giat berusaha menggalakkan syarikat-syarikat yang berminat untuk memajukan kawasan ini," katanya.

Dr Abubaker berkata beliau berharap Yemen Air akan dapat mengadakan perkhidmatan ke Malaysia tidak lama lagi kerana hubungan udara secara terus

akan membantu meningkatkan kerjasama dan memudahkan perjalanan oleh ahli-ahli perniagaan dari kedua-dua negara.

Mengenai gambaran negatif terhadap Yaman, beliau berkata isu berhubung kestabilan di negara itu telah dibesar-besarkan.

Katanya sejak penyatuan Yaman Utara dan Selatan pada 1990, negara itu telah melalui pelbagai kesulitan ekonomi, sosial dan politik.

"Tetapi semua itu telah berlalu. Yaman kini stabil dan tahap keselamatan adalah sama baik dengan negara-negara lain," kata Dr Abubaker.

Katanya sistem suku kaum di negara itu menimbulkan masalah tetapi beliau yakin ia akan dapat diatasi menerusi pendidikan dan pembangunan.

Kerajaan Yaman sedang giat berusaha untuk menjamin bahawa semua bahagian negara itu dapat menikmati kemajuan secara saksama.

"Kita harap ini akan menjadi jawapan kepada gambaran buruk yang diberikan oleh media tertentu," katanya.

Katanya sesiapa yang pernah melawat negara itu akan mempunyai kenangan manis kerana rakyat Yaman bersifat peramah dan sentiasa menghargai kedatangan orang asing sama ada dari negara Islam ataupun bukan.

"Kami sedang menunggu untuk menyambut kedatangan Dr Mahathir dan rakan-rakan serta ahli-ahli perniagaan kerana kami melihat Malaysia sebagai bakal rakan kongsi Yaman," katanya.

Dr Abubaker menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin berwawasan yang begitu komited kepada usahakan memajukan Malaysia dan dunia Islam.

"Saya tidak fikir wawasannya ialah untuk menyinggung pihak Barat. Beliau benar-benar mahu memajukan negaranya dengan mempertahankan kebebasan ekonominya. Beliau mempunyai pendapatnya sendiri mengenai demokrasi dan merasakan perkara-perkara ini tidak harus ditentukan oleh pihak asing," katanya.

-- BERNAMA
MAM AHH MAI